

12/06/2004

Laman 2004 ketengah ilham Dr M

KUALA LUMPUR: Lebih 100,000 pelawat daripada pelbagai latar belakang dan umur dijangka mengunjungi Festival Antarabangsa Landskap dan Taman Malaysia (Laman 2004) yang julung kali diadakan di Malaysia.

Festival bertemakan 'Warna-warni Dalam Kehijauan' itu akan diadakan di Taman Tasik Perdana selama sembilan hari bermula 17 Julai dan akan mempamerkan pelbagai bentuk produk dan perkhidmatan seni landskap.

Festival anjuran bersama Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Festival Laman Sdn Bhd dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Ketua Penolong Pengarah Cawangan Reka Bentuk dan Penyelenggaraan Jabatan Landskap Negara, Esa Ahmad, berkata rakyat Malaysia berpeluang menyaksikan dan mengambil bahagian di festival setanding Chelsea Flower Show di London, Dutch Floride di Belanda dan Melbourne Flower Show di Australia itu.

Katanya, acara itu diadakan bertujuan merealisasikan wawasan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan Malaysia sebuah negara dalam taman menjelang 2005.

"Acara berprestij ini akan memaparkan pertunjukan penuh warna-warni flora dan kehebatan alam semula jadi. Orang ramai tidak patut melepaskan peluang menyaksikan kreativiti peserta tempatan dan antarabangsa." katanya pada sidang akhbar Laman 2004 di pejabatnya di Plaza IGB.

Beliau berkata, kira-kira 150 peserta dalam dan luar negara termasuk pelajar institusi pengajian tinggi akan menonjolkan bakat dan kreativiti berlandskap bagi menghasilkan taman tercantik.

Esa berkata, pengunjung juga akan tertarik dengan gubahan bunga dan arca flora yang menghiasi sepanjang tempat berjalan kaki yang meliputi 30 hektar daripada 68.8 hektar keluasan Taman Tasik Perdana.

Antara yang menarik ialah Dunia Taman yang akan memaparkan kreativiti peserta dalam reka cipta taman contoh yang unik dan istimewa seperti Taman Malaysia, Taman Jepun, Taman Islam dan Taman Belanda.

Katanya, mereka yang mengunjungi Laman 2004 akan dikenakan yuran RM2 bagi dewasa, manakala RM1 untuk kanak-kanak berusia dua hingga 12 tahun dan pelajar sekolah beruniform.

(END)